

AKHBAR : SUMBERKINI

TARIKH : 02 MEI 2022

KERATAN AKHBAR

Aliran Minyak Diesel, Punca Pencemaran Bau Sungai Semenyih



Tindakan pantas kawalan di tapak bagi memastikan pencegahan segera aliran pencemaran diesel ke dalam sungai

PETALING JAYA: Siasatan ujian bau Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) di Sungai Kabul pada Ahad mendapati aliran minyak dipercayai diesel dijumpai.

Ini susulan insiden pencemaran bau yang berlaku di Sungai Semenyih pada 30 April lalu.

Sebelum itu, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Indah Water Konsortium (IWK) dan Polis Di Raja Malaysia (PDRM) pada 1 Mei meninjau dan mendapati sungai tersebut di dalam keadaan berminyak.

“Siasatan awal LUAS mendapati terdapat aliran minyak di dalam sebuah kawasan premis kilang yang menjalankan aktiviti cucian ‘cube test’ dengan kesan tompokan minyak.

LEMBAGA URUS AIR SELANGOR
(UNIT KORPORAT)

“Ujian bau mengesan bau seakan diesel di kawasan sungai berkenaan.

Perkara berkenaan di maklumkan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Exco Pelancongan dam Alam Sekitar, Hee Loy Sian dalam satu kenyataan menerusi hantaran Facebook miliknya pada Isnin.

Justeru, satu tindakan pantas sebagai langkah pencegahan telah dilakukan oleh LUAS.

“LUAS meletakkan dua beg Activated Carbon (Serbuk Karbon Teraktif – AC) untuk nyahbau air daripada saluran dan satu unit oil boom di aliran premis tersebut sebagai langkah kawalan pencegahan pencemaran.

“Dalam masa sama, dua unit ‘oil boom’ dan tujuh beg AC diletakkan di Sg. Kabul.

“Tindakan pantas kawalan di tapak bagi memastikan pencegahan segera aliran pencemaran diesel ke dalam sungai,” jelasnya.

Justeru, tindakan ini telah berjaya mengelakkan potensi henti tugas loji rawatan air (LRA) Sg.Semenyih berlaku lagi.

Loy Sian berkata, langkah mitigasi susulan dan pemantauan rapi dari semasa ke semasa akan dijalankan oleh LUAS bersama pihak-pihak terlibat bagi memastikan tiada pencemaran berlaku.

Untuk rekod, Insiden ini akan disiasat oleh LUAS di bawah Seksyen 79(1)(d), Enakmen LUAS 1999 dan premis terbabit telah diarahkan untuk melaksanakan kerja-kerja pembersihan segera bagi menghentikan pencemaran bau.

Tindakan tegas kepada pelaku akan dikenakan selaras Seksyen 79 (1)(a) Enakmen LUAS (Pindaan) 2020.